

Ramai sifatkan ucapan sulung Dr. Mahathir di BB berani

UM-2 OCT

UM - 2 OCT 1982

NEW YORK 1 Okt. - Ramai pihak, termasuk Menteri-Menteri Luar ASEAN dan wartawan antarabangsa, mengalu-alukan ucapan sulung Perdana Menteri di BB semalam sebagai berterus terang, tegas dan berani.

Mereka mensifatkan isu ekonomi di mana Perdana Menteri memberi amaran kemungkinan dunia dilanda huru-hara jika masalah kemelesetan ekonomi antarabangsa tidak dibendung, sebagai bahagian paling menarik dalam ucapannya.

Menteri Luar Indonesia, Profesor Mochtar Kusumaatmadja berkata, tidak ramai yang berani melahirkan pendapat secara berterus terang seperti Perdana Menteri.

Katanya, banyak perkara yang disentuh oleh Perdana Menteri Malaysia memang patut dikemukakan untuk perhatian dunia.

Mengenai isu ekonomi Profesor Kusumaatmadja berkata, perkara yang ditimbulkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir memang tepat sekali dan patut diambil perhatian khususnya oleh negara-negara maju.

Berhubung ingatan Perdana Menteri mengenai masalah kewibawaan PBB yang berada di peringkat paling rendah sekarang; Menteri Luar Indonesia itu berkata, beliau bersetuju dengan pandangan Malaysia mengenainya.

Menyentuh isu Kampuchea, beliau melahirkan keyakinan usaha ASEAN mendapat sokongan bagi pihak Kerajaan Demokratik Kampuchea dan ketetapan mengenai Kampuchea akan berjaya.

Profesor Mochtar juga mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri mengenai isu benua Antartika sambil menambah: "Saya fikir itu baik daripada dibahagi-bahagi untuk kepentingan

negara-negara tertentu saja hingga boleh menimbulkan sengketa.

"Juga itu suatu perkara baru yang banyak mengundang kita untuk terus memikirkannya baik-baik."

Timbalan Perdana Menteri Kedua Singapura, Encik S. Rajaratnam, pula berkata, Perdana Menteri telah membuat kenyataan yang positif lagi tegas terutama berhubung isu ekonomi.

"Datuk Sri Dr. Mahathir berjaya meninggalkan kesan yang dalam di kalangan kebanyakan anggota BB dari ucapannya mengenai isu ini," jelas beliau.

Menurutnya, Perdana Menteri berjaya menarik perhatian perhimpunan agung dengan kenyataannya yang berterus terang mengenai masalah di Asia Tenggara, khususnya Kampuchea.

Berhubung kenyataan Perdana Menteri mengenai masalah kewibawaan PBB, Encik Rajaratnam

berkata, memang kebanyakan negara sekarang mempunyai keraguan tentang kewibawaan badan dunia itu.

Mengenai isu Antartika pula, Menteri Singapura itu berkata ini suatu isu yang baru dan memerlukan masa untuk sesuatu yang positif diambil oleh BB mengenainya.

Menteri Luar Thailand, Ketua Marsyal Udara Siddhi Savetsila, bersetuju Perdana Menteri berjaya menarik perhatian para perwakilan dengan ucapannya yang tegas lagi berani terutama mengenai isu ekonomi.

Beliau memuji sikap berterus terang dan tegas Perdana Menteri dalam mengingatkan dunia khususnya negara-negara maju mengenai bahaya yang akan dihadapi dunia jika kemelesetan ekonomi antarabangsa tidak diberi perhatian serius.

Ketua Marsyal Udara Savetsila mensifatkan sebagai suatu langkah positif ingatan Perdana Menteri berhubung kewibawaan PBB dan patut mendapat perhatian.

Mengenai isu Antartika, beliau bersetuju dengan pendapat Malaysia bahawa usaha-usaha hendaklah dijalankan untuk memastikan sumber alam benua itu dibahagi untuk faedah manusia sejagat.

Beberapa orang wartawan antarabangsa turut mengalu-alukan ucapan Perdana Menteri sebagai sungguh berani dan berterus terang.

Mereka memuji kenyataan Perdana Menteri mengenai isu ekonomi terutama amarnya tentang masalah kemelesetan ekonomi dunia.

Seorang wartawan dari Antara, Indonesia, Encik B. Asmawi, mensifatkan ucapan Perdana Menteri semalam sungguh keras dan patut diberi perhatian oleh anggota-anggota BB.

Salah seorang wartawan antarabangsa, Ramtanu Maitra memuji kenyataan Perdana Menteri mengenai isu ekonomi.